

18/09/2002

PBB didesak tarik balik sekatan ke atas Iraq

SHAH ALAM, Selasa - Malaysia hari ini mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya segera menarik balik sekatan terhadap Iraq berikutan persetujuan Baghdad membenarkan kemasukan semula pemeriksaan senjata badan dunia itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengulas perkembangan terbaru itu berkata, penarikan balik sekatan perlu sebagai menghargai persetujuan kerajaan pimpinan Presiden Saddam Hussein.

Perdana Menteri mengulangi pendirian Malaysia bahawa sekatan berusia 12 tahun itu tidak mendatangkan mudarat kepada Saddam, sebaliknya rakyat Iraq yang miskin akan terus sengsara.

"Sebenarnya, sekatan itu membawa kesengsaraan kepada orang miskin, orang tua, kanak-kanak, wanita mengandung, semua golongan ini menjadi mangsa.

"Untuk mengatakan bahawa Saddam Hussein adalah seorang yang kejam walaupun jika dia tidak pedulikan rakyatnya, kita tidak berlaku adil kepada semua orang ini dengan menghukum mereka kerana sesuatu perkara yang bukan angkara mereka," katanya selepas merasmikan seminar mengenai Malaysia sebagai sebuah negara Islam di sini.

Iraq semalam bersetuju tanpa syarat membenarkan pemeriksaan senjata PBB kembali semula ke Baghdad bagi menghapuskan sebarang senjata kimia, biologi dan nuklear yang didakwa dimilikinya.

Amerika Syarikat sebelum ini membayangkan kemungkinan menyerang Iraq secara bersendirian jika PBB gagal bertindak sejajar dengan resolusi badan dunia itu. Sehingga kelmarin, Iraq memberi syarat persetujuan itu termasuk menarik balik sekatan.

Ditanya sama ada kerajaan merancang menahan beberapa orang lagi anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) berikutan tindakan Singapura menahan 21 orang yang disyaki mempunyai kaitan dengan rangkaian al-Qaeda, Dr Mahathir berkata Malaysia akan bertindak jika mereka dapat dikenal pasti.

"Jika kita dapat kenal pasti mereka, kita akan tahan kerana kita tidak boleh membenarkan orang ini menjadikan demokrasi untuk memperkecilkan demokrasi itu sendiri," katanya.

Kementerian Dalam Negeri Singapura semalam berkata, 19 daripada 21 rakyatnya yang ditahan Ogos lalu adalah anggota Jemaah Islamiah (IJ), didakwa mempunyai kaitan dengan rangkaian al-Qaeda yang dituduh mendalangi serangan ke atas Amerika pada 11 September tahun lalu.

Mengenai sama ada cadangannya sebelum ini supaya satu debat atau persidangan antarabangsa diadakan bagi mengenal pasti punca keganasan perlu diteruskan, Dr Mahathir berkata dunia kini sudah sedar punca sebenar keganasan itu.

"Apa yang perlu sekarang ini ialah memikirkan bagaimana punca ini dapat ditangani. Jika kita terus berdebat mengenai usaha mencari punca keganasan, ia berlarutan. Kita akan lakukan apa yang sepatutnya untuk membanteras keganasan," katanya.